

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH

PERASMIAN KEMPEN KESEDARAN MAKNA

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KESEDARAN MAKNA JELAJAH IPTA 2007

BERTEMPAT DI KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI

UTeM JAM 8.45 PAGI

YBHG DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN

MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN

INOVASI)

TEMPAT:

KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI

Y.B DATUK HJ. YAAKOB BIN MD. ALI PENGARAH UNIVERSITI PEGAWAI-PEGAWAI KAHAR

PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARA UTeM UNIVERSITI

DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA

DAN HADIRIN DAN HADIRAT YANG DINORMATI

YBHG DATO' MOHD FARID BIN ARIFFIN

PRESIDEN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA) KESALAMUALAIKUM WRT WBT

TARIKH :

24 JULAI 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN KEMPEN KESEDARAN MAKNA
JELAJAH IPTA 2007 PADA 24 JULAI 2007
BERTEMPAT DI KAFETERIA, KAMPUS INDUSTRI
UTeM JAM 8.45 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

Y.B DATUK HJ. YAAKOB BIN MD. AMIN
PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN
DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA

YBHG DATO' MOHD FARID BIN ARIFFIN
PRESIDEN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA)

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
UNIVERSITI,

DAN HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH RAHMAT DAN KURNIANNYA MAKA DIIZINKAN KITA BERKUMPUL BERSAMA DI DEWANINI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAKEMPEN KESEDARAN KANSER DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) HARI INI.

SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA DATO' MOHD FARID ARIFFIN, PRESIDEN MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA) KERANA MENGGERAKKAN USAHA MENGADAKAN KEMPEN KESEDARAN KANSER JELAYAH IPTA 2007. KEMPENINI TELAH DIMULAKAN SEJAK MAC 2007 YANG LALU DAN UTeM MERUPAKAN UNIVERSITI YANG KE 13 YANG DILAWATI BAGI MENJAYAKAN KEMPENINI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

UMUMNYA MASYARAKAT TAHU BAHWA KANSER ADALAH PENYAKIT YANG SANGAT MERBAHAYA KEPADA MANUSIA DAN BOLEH MEMBAWA MAUT. IA ADALAH PENYAKIT PEMBUNUH YANG MENYERANG SESEORANG DALAM DIAM. DI DADADADA AKHBAR KITA SELALU TERBACA AKAN KESENGSARAAN PENGHIDAP KANSER YANG HIDUP DALAM PENDERITAAN.

PENYAKITINI BOLEH BERPUNCA DARI PELBAGAI FAKTOR SAMA ADA IA BERPUNCA DARIPADA PENGAMBILAN MAKANAN, UBAT-UBATAN, PENCEMARAN, GAYA HIDUP, GENETIK DAN SEBAGAINYA. UNTUK ITU MAKLUMAT AWAL AMAT PENTING DISEBARKAN KEPADA ORANG RAMAI SAMA ADA BAGI TUJUAN PENCEGAHAN MAUPUN RAWATAN.

RAMAI DI ANTARA KITA TIDAK MENYEDARI BETAPAPENTINGNYA KITA MENGAMBIL TINDAKAN

PENCEGAHAN ATAU PENGESANAN AWAL TERHADAP SERANGAN KANSER. TETAPI APABILA IA BERLAKU KEPADA DIRI KITA, SAUDARA-MARA KITA ATAU ORANG LAIN MAKA BANTUAN PERLU DIBERIKAN KEPADA MEREKA.

BANTUAN YANG DIHULURKAN SAMA ADA DALAM BENTUK SOKONGAN MORAL ATAU MATERIAL TERUTAMANYA YANG BERBENTUK SOKONGAN KEWANGAN ADALAH AMAT PERLU UNTUK MEMBERI HARAPAN KEPADA MEREKA MENGUBATI KANSER YANG DIHIDAPI.

KAEDAH RAWATAN BAGI MENGUBATI KANSER SAMA ADA DALAM BENTUK PENDEDAHAN, KEMOTERAPI, RADIOTERAPI DAN SEBAGAINYA MEMERLUKAN WANG. RAWATAN-RAWATANINI MEMERLUKAN KOS YANG TINGGI DAN ADAKALANYA RAWATAN YANG TERBAIK HANYA DIDAPATI DI LUAR NEGARA.

KEPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI WANG PERKARA INI TIDAK MENJADI MASALAH TETAPI KEPADA MEREKA YANG TIDAK BERDUIT IA ADALAH SATU BEBANAN. JUSTERU ITU SUMBANGAN ORANG RAMAI SAMA ADA MELALUI SUMBANGAN SYARIKAT/KORPORAT ATAU INDIVIDU ADALAH DIPERLUKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

HARI INI MARILAH KITA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN DENGAN MENDERMA SEJUMLAH KECIL WANG DI SAKU KITA DEMI MENYELAMATKAN NYAWA SERTA MEMENUHI HARAPAN ORANG YANG MEMERLUKANNYA. HARIINI MUNGKIN MEREKA MEMERLUKAN BANTUANKITA TETAPI ESOK MUNGKIN KITA MEMERLUKAN BANTUAN DARIPADA ORANG LAIN.

SEBAGAI WARGA KAMPUS YANG PENYAYANG
TUNJUKKAN KOMITMEN ANDA DENGAN
MENJAYAKAN KEMPEN "PAYROLL GIVING & SENS
SAVES LIVES" OLEH MAJLIS KANSER NASIONAL
INI. SATU SEN YANG TIDAK BERNILAI KEPADA
KITA ADALAH TERLALU BESAR MAKNANYA
KEPADAMEREKA YANG MEMERLUKANNYA.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH
KEPADA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN
PROGRAM INI IAITU MAJLIS KANSER NASIONAL,
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
(HEPA) DAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG MENDERMA
PADA KEMPEN INI.

SEKIAN TERIMA KASIH

WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH ASM WRT WBT.